

**DI LEMA TANAH ADAT ABAD KE 20:  
TINJAUAN DAERAH REMBAU,  
NEGERI SEMBILAN**

**ROSWATI BT YAAKUB**

**LATIHAN ILMIAH INI ADALAH UNTUK MEMENUHI  
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH  
SARJANA MUDA SASTERA DENGAN KEPUJIAN**

**FAKULTI SAINS KEMASYARAKATAN DAN KEMANUSIAN,  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA,  
BANGI, SELANGOR.**

## PENGAKUAN

**“Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan-nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.”**

29.4.97

.....  
Tarikh



.....  
ROSWATI YAAKUB

## **PENGHARGAAN**

Di sini penulis mengambil peluang keemasan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada penyelia iaitu Profesor Dr.Mahayudin Yahya di atas segala bimbingan dan tunjuk ajar yang diberikan sepanjang penghasilan tesis ini sehinggalah ia menjadi sebuah tesis yang lengkap. Ucapan ini juga ditujukan kepada Datuk Lembaga Sri Selemak, Rembau iaitu Datuk Usman Lanjung, Datuk Mendaliko dan Setiausaha Dewan Keadilan iaitu Datuk Muhammad Ghazali serta tidak lupa juga kepada Encik Sulaiman Kadmi selaaku Pegawai Penyelesai Pusaka di atas kerjasama yang diberikan untuk melengkapkan tesis ini.

Buat suami yang dikasihi, Nik Ahmad Marzuki, segala dorongan dan pengorbanan yang dicurahkan kepada penulis, akan sentiasa dihargai dan sekalung ucapan terima kasih yang tidak terhingga diucapkan. Begitu juga dengan ibu bapa tersayang yang selama ini telah banyak berkorban demi melihat kejayaan penulis, jasa kalian akan tetap dikenang hingga ke akhir hayat.

Tidak ketinggalan juga terima kasih buat kak za, mini dan Amir serta kepada semua yang terlibat dan memberi kerjasama untuk melengkapkan tesis ini. Terima kasih atas segalanya.

## ABSTRAK

Adat Perpatih merupakan adat yang unik dan telah sekian lama diamalkan oleh penduduk Negeri Sembilan khususnya dan sebahagian kecil daripada penduduk Melaka umumnya. Adat yang diasaskan oleh Datu Perpatih Nan Sebatang ini mengandungi pelbagai elemen menarik yang terdiri daripada pelbagai aspek seperti politik, sosial, ekonomi dan agama. Salah satu daripada unsur terpenting yang terdapat dalam Adat Perpatih ialah Tanah Adat. Tanah Adat merupakan tanah warisan turun-temurun yang diwarisi mengikut sistem sanak ibu ataupun lebih dikenali sebagai sistem matrilineal. Tanah Adat merupakan harta yang amat berharga dan melambangkan status masyarakat Adat Perpatih yang harus dipertahankan. Ia tidak boleh dijual beli, pindahmilik ataupun digadai melainkan disertai dengan syarat yang telah ditetapkan oleh adat. Sememangnya masyarakat yang kaya dengan adat ini adalah sebuah masyarakat yang amat patuh pegangannya seperti kata pepatah 'Biar Mati Anak Jangan Mati Adat'.

## **KANDUNGAN**

|                                   | <b>Halaman</b> |
|-----------------------------------|----------------|
| <b>PENGAKUAN</b>                  | <b>i</b>       |
| <b>PENGHARGAAN</b>                | <b>ii</b>      |
| <b>ABSTRAK</b>                    | <b>iii</b>     |
| <b>KANDUNGAN</b>                  | <b>iv</b>      |
| <b>RUJUKAN</b>                    | <b>vii</b>     |
| <b>JURNAL</b>                     | <b>ix</b>      |
| <b>KERTAS KERJA</b>               | <b>x</b>       |
| <b>LATIHAN ILMIAH</b>             | <b>xi</b>      |
| <b>TEMUBUAL</b>                   | <b>xii</b>     |
| <b>BAB 1 PENDAHULUAN</b>          | <b>1</b>       |
| 1.1 KONSEP ADAT                   | 1              |
| 1.2 PEMBAHAGIAN ADAT              | 2              |
| 1.3 LATARBELAKANG ADAT PERPATIH   | 4              |
| 1.4 SEBAB DINAMAKAN ADAT PERPATIH | 5              |
| 1.5 KONSEP ADAT PERPATIH          |                |
| 1.5.1 Nilai dan Falsafahnya       | 6              |
| 1.6 LATARBELAKANG TANAH ADAT      | 10             |
| 1.6.1 Konsep Tanah Adat           | 12             |

|                                                        |                                                     |           |
|--------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------|-----------|
| 1.6.2                                                  | Sistem Pewarisan Tanah Adat                         | 15        |
| 1.7                                                    | LATARBELAKANG DAERAH REMBAU                         |           |
| 1.7.1                                                  | Nama Asal Rembau                                    | 16        |
| 1.7.2                                                  | Kedudukan Rembau                                    | 17        |
| 1.7.3                                                  | Penduduk Awal Rembau                                | 17        |
| 1.7.4                                                  | Kedatangan Minagkabau ke Rembau dan Negeri Sembilan | 18        |
| 1.7.4                                                  | Kedatangan Minagkabau ke Rembau dan Negeri Sembilan | 20        |
| 1.7.6                                                  | Sistem Pentadbiran Adat di Rembau.                  | 22        |
| <b>BAB 2 SISTEM PEWARISAN ADAT PERPATIH DAN SISTEM</b> |                                                     |           |
|                                                        | <b>PEWARISAN ISLAM</b>                              | <b>25</b> |
| 2.1                                                    | DUA PERSPEKTIF YANG BERBEZA                         | 25        |
| 2.2                                                    | ASAL-USUL SISTEM NASAB IBU                          | 26        |
| 2.3                                                    | WARIS DAN PEWARISAN                                 | 27        |
| 2.4                                                    | PEWARIS MENGIKUT KATEGORI HARTA                     | 29        |
| 2.5                                                    | BERKADIM                                            | 32        |
| 2.6                                                    | HIBAH                                               | 35        |
| 2.7                                                    | SISTEM PEWARISAN ISLAM                              | 36        |
| 2.8                                                    | SYARAT-SYARAT MEWARISI                              | 37        |
| 2.9                                                    | HAK-HAK WARIS                                       | 38        |
| 2.10                                                   | SEBAB BAHAGIAN LELAKI DUA KALI GANDA                |           |
|                                                        | DARIPADA BAHAGIAN WANITA                            | 38        |

|              |                                                                  |           |
|--------------|------------------------------------------------------------------|-----------|
| <b>2.11</b>  | <b>PERTENTANGAN HUKUM ADAT DENGAN HUKUM SYARAK</b>               | <b>40</b> |
| <b>2.12</b>  | <b>SEBAB-SEBAB HUKUM ADAT BERTENTANGAN DENGAN HUKUM SYARAK</b>   | <b>41</b> |
| <b>BAB 3</b> | <b>PERKEMBANGAN TANAH ADAT</b>                                   | <b>44</b> |
| <b>3.1</b>   | <b>TANAH ADAT PADA ZAMAN AWAL MINANGKABAU DI NEGERI SEMBILAN</b> | <b>44</b> |
| <b>3.2</b>   | <b>TANAH ADAT PADA ZAMAN INSTITUSI BERAJA</b>                    | <b>48</b> |
| <b>3.3</b>   | <b>PENTADBIRAN BRITISH DI NEGERI SEMBILAN</b>                    | <b>52</b> |
| <b>3.4</b>   | <b>UNDANG-UNDANG YANG DIPERKENALKAN</b>                          | <b>54</b> |
| <b>3.5</b>   | <b>UNDANG-UNDANG KHAS BAGI TANAH ADAT</b>                        | <b>58</b> |
|              | <b>KESIMPULAN</b>                                                | <b>62</b> |
| <b>BAB 4</b> | <b>TANAH ADAT TERBIAR</b>                                        | <b>65</b> |
| <b>4.1</b>   | <b>DEFINISI TANAH TERBIAR</b>                                    | <b>65</b> |
|              | <b>4.1.1 Tanah Terbiar di Negeri Sembilan</b>                    | <b>68</b> |
| <b>4.2</b>   | <b>FAKTOR YANG MENYEBABKAN TANAH ADAT TERBIAR</b>                | <b>69</b> |
| <b>BAB 5</b> | <b>PEMBANGUNAN TANAH ADAT</b>                                    | <b>83</b> |
| <b>5.1</b>   | <b>PENDAHULUAN</b>                                               | <b>83</b> |
| <b>5.2</b>   | <b>TUJUAN PEMBANGUNAN TANAH ADAT</b>                             | <b>83</b> |
| <b>5.3</b>   | <b>CADANGAN PEMBANGUNAN TANAH ADAT</b>                           | <b>86</b> |
|              | <b>KESIMPULAN</b>                                                | <b>95</b> |

## **PENDAHULUAN**

Bahagian pendahuluan ini akan menjelaskan tentang tujuan kajian, kaedah kajian, bidang kajian, permasalahan kajian dan kajian-kajian lepas. Sebagai salah satu unsur yang berkait rapat dengan adat, tanah Adat mempunyai nilai yang tinggi dari segi kesejarahannya. Dalam konteks ini, Tanah Adat akan dilihat bagaimana sejarah kewujudannya, iaitu dari zaman-berzaman adat ini dijunjung sehinggalah ia kini menjadi satu dilema ataupun masalah yang agak rumit dalam abad kedua puluh ini terhadap pembangunan sosio ekonomi negara.

## **TUJUAN KAJIAN**

Tujuan kajian ini ialah untuk melihat sejauhmana sejarah kewujudan dan pewarisan Tanah Adat ini dalam masyarakat yang mendokong Adat Perpatih di Negeri Sembilan. Amalan pewarisan yang agak berbeza dengan adat lain seperti Adat Temenggung yang diamalkan oleh hampir keseluruhan negeri di Malaysia. Kajian ini juga akan melihat sebab-sebab yang menghalang tanah Adat ini dibangunkan dan apakah ia merupakan satu masalah yang amat ketara dan dapat mengancam pemodenan pada abad kedua puluh ini serta cadangan-cadangan yang dapat dimanfaatkan untuk mengatasi masalah yang dihadapi. Oleh, itu, kajian terhadap Tanah Adat ini merupakan satu kajian yang amat menarik. Ia bertolak dari zaman awal Adat Perpatih diamalkan hinggalah ke hari ini.

## **KAEDAH KAJIAN**

Kaedah kajian utama yang digunakan dalam kajian ini ialah resensi kepustakaan yang meliputi Perpustakaan Tun Seri Lanang (UKM), Perpustakaan Jabatan Sejarah (UKM), Perpustakaan Negeri (Negeri Sembilan), Perpustakaan Pejabat Penasihat Undang-Undang

Negeri Sembilan, Perpustakaan Negara dan juga Arkib Negara bagi mendapatkan bahan-bahan primier dan sekunder dalam bentuk teks, artikel, buku dan mikrofilem.

Seterusnya mendapatkan bahan-bahan seperti statistik dan laporan dari pejabat Tanah Daerah Rembau, Pejabat Daerah Rembau, Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Sembilan dan Mahkamah Keadilan bagi mendapatkan rujukan-rujukan kes terdahulu. Temubual juga turut diadakan dengan beberapa orang responden seperti Penasihat Undang-Undang Negeri Sembilan, Peguam Persekutuan, Pegawai Daerah Rembau, Penghulu Rembau, Setiausaha Dewan Keadilan, Pemegang-pemegang serta mereka yang terlibat dengan Tanah Adat ini.

## **BIDANG KAJIAN**

Bidang kajian ini difokuskan kepada Tanah Adat yang ada di sekitar Negeri Sembilan amnya dan daerah Rembau khasnya. Skop kajian ini sebenarnya bermula dari awal pegenalan sistem Adat Perpatih di Negeri Sembilan dan perhatian yang lebih spesifik akan diberi kepada sekitar abad kedua puluh ini. Pada zaman ini, Tanah Adat dikatakan turut menyumbangkan masalah terhadap pembangunan kerana ia tidak boleh dimajukan oleh pihak kerajaan mahupun swasta lantaran mendapat tentangan daripada pemiliknya.

Daerah Rembau dipilih sebagai tempat kajian kerana daerah ini merupakan satu daerah yang mempunyai Tanah Adat yang paling banyak di Negeri Sembilan. Tanah-tanah yang banyak ini sebaliknya mempunyai nilai ekonomi tetapi tidak dibangunkan. Penduduk Rembau adalah antara pemegang Adat Perpatih yang amat kuat peganganya. Kepatuhan mereka tidak hanya terbatas kepada soal harta pusaka sahaja malah merangkumi kesemua

hal ehwal yang berkaitan dengan kehidupan mereka. Adat-adat ini tidak boleh dilanggar kerana ia telah diamalkan sejak zaman nenek moyang mereka lagi.

Walaupun jangka waktu kajian ini bermula dari awal Adat Perpatih diperkenalkan di Negeri Sembilan, namun ia hanya menyentuh sebahagian kecil saja jangka waktu tersebut. Abad kedua puluh merupakan kajian spensifik tesis ini kerana pada waktu ini munculnya pembangunan yang pesat di nnnegara ini. Pembangunan ini pastinya meliputi seluruh kawasan bandar dan pinggir-pinggir bandar. Banyak kawasan-kawasan baru yang diterokai oleh kerajaan. Namun dalam penerokaan kawasan-kawasan baru ini pihak-pihak kerajaan tidak dapat lari dari tuan punya tanah yang tidak mahu menyerahkan tanah mereka untuk dimajukan terutamanya pemilik Tanah Adat. Dalam hal ini, penentangan tuan punya Tanah Adat di Rembau akan diketengahkan sebagai bahan kajian tesis ini.

## **MASALAH KAJIAN**

Masalah yang dihadapi di dalam kajian ini ialah kesukaran mendapatkan jawapan atau komen yang menyeluruh daripada responden. Kebanyakan responden yang ditemui tidak mahu memberi komen yangdetail terhadap persoalan yang dikemukakan. ini adalah kerana Tanah Adat berkait rapat dengan adat yang telah sekian lama diamalkan oleh suku-suku tertentu. Ia merupakan isu sensitif yang sukar diperkatakan. Terdapat responden yang bercakap secara berselindung kerana bimbang akan menyinggung pihak-pihak yang tertentu. Malah bagi sesetengah suku yang ekstrim, mereka tidak mahu adat yang mereka junjung sejak dari zaman nenek moyang diberi komen ataupun dikritik oleh pihak lain. Dalam hal ini, pemilihan responden yang sanggup bekerjasama amat diperlukan untuk menjayakan tesis ini.

## **KAJIAN-KAJIAN LEPAS**

Berdasarkan kajian-kajian lepas,terdapat ramai pengkaji yang melihat tentang tanah di Malaysia. contohnya tentang sistem pentadbiran tanah di zaman British, akta tanah dan pengolahan tanah. Saudara Nadzan Haron (1977/78) telah mengkaji tentang Daerah Kuala Pilah Dari Awal Kurun Ke 1800-1957 yang mengkaji Sistem Pentadbiran Tanah Pusaka Masyarakat Adat Perpatih. Walaupun seperti yang dinyatakan terdapat banyak pengkajian yang dibuat terhadap tanah di Malaysia, namun belum ada lagi yang mengkaji tentang Tanah Adat secara spesifik. Maka adalah dirasakan wajar ia dikaji sebagai jawapan kepada persoalan Dilema Tanah Adat pada abad kedua puluh yang membuat tinjauan khusus di Daerah Rembau, Negeri Sembilan. Apa yang penting ialah semoga hasil kajian ini akan dapat memberi pemahaman terhadap pembaca tentang konsep Tanah Adat iaitu dari segi sejarahnya dan penyelesaian tentang permasalahan yang dihadapi berkaitan dengan Tanah Adat ini pada abad kedua puluh ini.

## **KESIMPULAN**

Secara keseluruhannya kajian ini diharapkan agar dapat melihat dengan jelas sejauh mana Tanah Adat ini dapat difahami oleh masyarakat. Walaupun zaman silih berganti namun tidak dapat dinafikan Adat Perpatih yang diamalkan masih lagi kukuh tersemat di jiwa pengamalnya. Mereka masih lagi berpegang teguh pada adat yang telah sekian lama mereka junjung. Oleh itu, sebarang pantang larang yang terdapat dalam adat tidak dapat dilanggar termasuklah mempertahankan hak mereka terhadap Tanah Adat. Walaupun diberi ganjaran yang besar oleh pihak tertentu namun, ini tidak dapat membeli nilai Tanah Adat masyarakat

Adat Perpatih. Lantaran ketaksuban inilah, telah menimbulkan dilema pada abad kedua puluh ini yang mana Tanah-Tanah Adat ini turut menyumbangkan masalah kepada penghalang pembangunan negara. Pihak yang terlibat haruslah menyelesaikan masalah ini dengan bijak dan secara diplomasi kerana hak-hak orang lain tidak dapat dicabuli di samping menghormati adat yang diamalkan oleh masyarakat tertentu.

## **BAB 2**

### **SISTEM PEWARISAN ADAT PERPATIH DAN SISTEM PEWARISAN ISLAM :**

#### **2.1 DUA PERSPEKTIF YANG BERBEZA**

##### **Sistem Pewarisan Adat Perpatih**

Sistem pewarisan di dalam Adat perpatih lebih dikenali sebagai Hukum Waris Adat. Warisan itu adalah soal apakah dan bagaimanakah hak kewajipan tentang kekayaan seseorang sewaktu dia meninggal dunia akan beralih kepada orang lain yang masih hidup. Menurut Surojo Wignjodipura, Hukum Waris meliputi norma-norma hukum yang menetapkan harta kekayaan dari seseorang dan bagaimana kekayaan tersebut dapat diserahkan kepada keturunannya. Secara tidak langsung, hukum ini mengatur tentang bila waktu yang sesuai, cara dan proses peralihannya. Dalam erti kata lain, Hukum Adat Waris adalah hukum yang mengatur pemindahan harta peninggalan seseorang yang meninggal dunia kepada warisnya<sup>41</sup>.

Dalam sistem pewarisan Adat Perpatih, khususnya Tanah Adat, hak milik ke atas tanah tersebut tidak boleh dipindahmilik iaitu berasaskan hakmilik terhad. Ia tidak boleh dipindahmilik, digadai dan dijual kecuali dengan persetujuan ketua adat dan waris

---

<sup>41</sup> Abdullah Siddik, Pengantar Undang-Undang Adat di Malaysia, halaman 144.

yang berhak ke atas tanah tersebut. Pewarisan Tanah Adat adalah berdasarkan kepada waris perempuan yang terdekat mengikut sistem matrilineal atau nasab ibu.

Perbilangan adat ada menyebut:

Harta pusaka turun kepada anak  
 Tiada anak waris ikrah  
 Tiada waris ikrah waris bersanak  
 Tiada waris bersanak terpulang kepada suku<sup>42</sup>

Mengikut adat Minangkabau, keutamaan warisan harus diberi kepada perempuan kerana sifat wanita itu sendiri yang mempunyai kudrat yang lemah berbanding dengan kaum lelaki. Tambahan pula kebebasan gerak-geri kaum wanita tidak sebebaskan kaum lelaki dan langkahnya juga tidak sepanjang langkah kaum lelaki. Mereka terikat dengan larangan agama dan adat yang membatasi pergerakan mereka. Adat Perpatih juga menempatkan kaum wanita pada posisi yang paling baik dan tinggi. Ini merupakan penghormatan yang diberi untuk memelihara nasib dan masa depan mereka<sup>43</sup>.

## 2.2 ASAL-USUL SISTEM NASAB IBU

Mengikut satu tambo, asalnya sistem nasab ibu yang diamalkan oleh pemegang Adat Perpatih adalah berpunca dari satu peristiwa yang terjadi pada masa lampau. Peristiwa ini terjadi di Aceh pada zaman Datuk Perpatih dan Datuk Katamanggungan. Mereka berdua telah pergi ke Sumatera Utara dan semasa hendak belayar keluar dari pelabuhan Tiku (Pariaman) di Sumatera Baraat, air laut telah menjadi surut lalu kapal mereka tersadai di atas pasir. Mereka telah mengumpulkan anak-anak buah lelaki masing-masing untuk menolong

<sup>42</sup> Nadzan Harun, *Perlaksanaan Peraturan Adat Dalam Sistem Pentadbiran Tanah di Negeri Sembilan*, halaman 9.

<sup>43</sup> Idrus Hakimi, *Rangkaian Mustika Adat Basandi Syarak di Minangkabau*, halaman 44.

menolak kapal tersebut. Tetapi, anak-anak lelaki mereka menyatakan tidak mahu menolong dengan alasan takut akan dilanggar oleh kapal itu. Datuk Perpatih dan Katamanggungan menjadi buntu. Di saat mereka memerlukan bantuan itulah, datang anak-anak buah perempuan mereka yang sedia bersabung nyawa menolong menolak kapal itu. Anak-anak buah perempuan dengan sukarela menjawab menyatakan mereka sedia mati dilanggar oleh kapal itu kerana kapal itu adalah kepunyaan orang-orang tua mereka. Lalu kapal itu telah berjaya ditolak dan dengan kuasa Tuhan, kapal itu telah timbul dan bergerak sendiri ke laut. Mulai saat itu, kedua-dua Datuk itu dengan nasihat Cati Bilang, hamba mereka yang bijak, telah mengishtiharkan untuk membalas jasa anak-anak buah perempuan mereka dengan memberi hadiah sebagai saguhati. Kesemua harta mereka wariskan kepada anak-anak buah perempuan bukannya anak-anak lelaki<sup>44</sup>.

### 2.3 WARIS DAN PEWARISAN

Sebelum meneliti dengan lebih lanjut lagi soal pewarisan, kita perlu mengetahui apakah maksud sebenarnya waris dalam adat. Waris beerti yang meneruskan ataupun orang yang berhak meneruskan, melanjutkan dan memperkembangkan sesuatu (sama ada harta atau kebolehan). Pewaris ini berupa harta ataupun martabat dari pewaris oleh waris atau ahli waris. Ia mengandungi erti tetap iaitu tidak boleh mengurangi, memindah, mengalihkan atau menjual kecuali atas sebab-sebab yang sangat terdesak. Tetapi ia boleh ditambah, diperkembangkan atau dibiakkan<sup>45</sup>.

<sup>44</sup> Azizah Kassim, Nasab Ibu dan Merantau, halaman 34.

<sup>45</sup> Mochtar Naim, Menggali Hukum Tanah dan Hukum Waris Minangkabau, halaman 69.

Seperti yang telah diterangkan di dalam Bab 1, kategori harta di dalam masyarakat Adat Perpatih boleh dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu Harta Pembawaan, Harta Dapatan dan Harta Sepencarian. Pewarisan harta-harta ini adalah mengikut aturan atau kategori harta yang telah ditetapkan. Ini bermakna, sebelum sesuatu harta ini dibahagikan, ia perlulah dikenalpasti didalam kategori manakah ia berada supaya pembahagiannya kelak akan dapat dilakukan dengan mudah dan adil.

Secara umumnya, pewarisan Tanah Adat dalam Adat Perpatih adalah menerusi pihak perempuan yang berdasarkan rapatnya ikatan darah. Ia bermula dari anak, cucu, cicit perempuan dan seterusnya. Jika siibu mati dan tidak mempunyai anak perempuan, tanah tersebut akan diwarisi oleh waris ikrabnya. Maksud waris ikrab di sini ialah kakak atau adik perempuan si mati. Jika tiada waris ikrab, sistem pewarisan akan diteruskan kepada waris bersanak yang terdekat mengikut susunan. Ia bermula dari waris sanak ibu (sepupu), sanak datuk (dua pupu), sanak nenek (tiga pupu) dan sanak moyang (empat pupu). Keadaan sebaliknya terjadi jika waris sanak terdekat ini tidak ada. Tanah tersebut akan diishtiharkan pupus dan berhak dituntut oleh waris lelaki mengikut susunan terdekat. Mereka bukannya berhak mewarisi tanah tersebut tetapi hanya boleh mengambil hasil tanah tersebut sepanjang hayat mereka bukannya mempunyai hakmilik tetap ke atas tanah itu. Selain daripada itu, terserah kepada budi bicara Ketua Adat untuk menyelesaikannya sama ada menjual kepada anggota suku. Hasil daripada penjualan ini akan diserahkan kepada waris lelaki yang berhak<sup>46</sup>. Pembahagian kepada waris yang berhak ini adalah berdasarkan prinsip sama rata.

---

<sup>46</sup> Nadzan Harun, *Perlaksanaan Peraturan Adat Dalam Sistem Pentadbiran Tanah di Negeri Sembilan*, halaman 9.

Jika terdapat ramai waris yang berhak, tanah tersebut akan dibahagikan mengikut jumlah yang berhak tanpa memberi keistimewaan kepada sesiapa pun<sup>47</sup>.

## **2.4 PEWARIS MENGIKUT KATEGORI HARTA**

Secara umumnya harta di dalam Adat Perpatih boleh dibahagikan kepada tiga kategori iaitu Harta Pembawa, Harta Dapatan dan harta Sepencarian. Berdasarkan kategori inilah tanah atau harta akan dibahagikan mengikut konsep:

Pembawa kembali

Dapatan tinggal

Carian dibahagi

### **a. Harta Pembawa**

Harta Pembawa merupakan harta milik seorang suami sebelum ia berkahwin. Ia diperolehi sama ada melalui hasil titik peluh lelaki tersebut ataupun hadiah daripada kedua ibu bapanya. Semasa berkahwin, lelaki tersebut mestilah terlebih dahulu memberitahu atau memaklumkan bahawa harta tersebut adalah milik perseorangan. Ia akan tetap menjadi miliknya dan diiktiraf sebagai Harta Pembawaan walaupun sesudah ia berkahwin. Harta ini tidak akan bertukar menjadi status Harta Sepencarian dan isteri tidak mempunyai hak ke atasnya<sup>48</sup>.

<sup>47</sup> Norhalim Ibrahim, Negeri Yang Sembilan, halaman 126.

<sup>48</sup> Maimunah Manab, Adat Istiadat Perlantikan dan Peranan Buapak di Rembau, halaman 31.

Apabila seseorang suami meninggal dunia, harta tersebut akan jatuh ke tangan saudara perempuannya atau balik semula kepada warisnya. Pihak keluarga isteri tidak ada hak untuk menuntut harta ini. Kesukaran akan timbul sekiranya seseorang itu berkahwin lebih daripada sekali. Harta daripada perkahwinan pertama akan dianggap sebagai Harta Pembawaan bila lelaki tersebut berkahwin buat kali kedua atau seterusnya. Jika harta ini bertambah sepanjang perkahwinannya, harta ini dianggap sebagai carian laki bini ataupun harta sepencarian. Tetapi perlu diingatkan di sini bahawa hanya harta yang bertambah saja akan diiktiraf sebagai harta sepencarian<sup>49</sup>.

Mengikut sistem Adat Perpatih, bagi mereka yang mempunyai keturunan atau anak, anak-anak bukanlah merupakan waris terdekat kepada seseorang bapa. Mereka akan dianggap saudara, baik lelaki mahupun perempuan. Anak bukanlah waris kepada bapa tetapi anak akan masuk suku ibu dan menjadi ahli waris ibunya sahaja<sup>50</sup>.

#### b. Harta Dapatan

Harta dapatan merupakan harta yang dimiliki oleh seseorang perempuan sebelum ia berkahwin. Ia diperolehi melalui warisan orang tuanya ataupun hasil usaha perempuan tersebut sewaktu anak dara. Jika diperolehi semasa ia masih anak dara, harta ini dikenali sebagai carian dara manakala jika diperolehi sewaktu menjadi janda, ia dikenali sebagai carian janda<sup>51</sup>.

<sup>49</sup> Ahmad Ibrahim, *Islamic Law In Malaya*, Malaysian Sociological Research Institute Ltd., Kuala Lumpur, 1975, halaman 260.

<sup>50</sup> Abdullah Siddik, *Pengantar Undang-Undang Adat di Malaysia*, halaman 154.

<sup>51</sup> Maimunah Manab, *Adat Istiadat Perlantikan dan Peranan Buapak di Rembau*, halaman 30.

Seperti Harta Pembawaan, seseorang perempuan itu juga perlu memaklumkan bahawa harta tersebut merupakan harta dapatannya. Hal ini perlu diberitahu sebelum ia berkahwin. Jika si isteri meninggal dunia, harta tersebut akan diserahkan kepada anak-anak perempuannya. Jika seseorang anak perempuan mati terlebih dahulu daripada ibunya, bahagiannya akan diberikan kepada keturunannya melalui anak perempuan.

Seandainya dia tidak mempunyai waris perempuan, hartanya akan jatuh kepada keturunan perempuan terdekat dari nenek-moyang yang masing-masing akan memperolehi hak yang sama iaitu anak lelaki yang akan berpeluang mengambil hasil dari harta itu<sup>52</sup>.

#### c. Harta Sepencarian

Harta Sepencarian ialah harta milik suami isteri semasa bersama. Semasa berkahwin, suami isteri bersama-sama mencari rezeki dengan titik peluh mereka. Harta itu merupakan hakmilik mereka berdua sepanjang mereka bersama. Sekiranya seorang isteri meninggal dunia, harta tersebut akan jatuh kepada suami dan anak-anaknya (anak perempuan). Begitu juga jika si suami meninggal dunia, harta tersebut akan jatuh kepada isteri dan anak-anaknya. Terdapat juga kes di mana seandainya isteri meninggal dunia, si suami tidak menuntut harta tersebut. Semua bahagiannya akan diserahkan kepada anak-anak untuk pembiayaan hidup mereka<sup>53</sup>.

Termasuk di dalam kategori Harta Sepencarian ialah Harta Pembawaan atau Harta Dapatan yang bertambah semasa perkahwinan tersebut. Contohnya jika sebelum berkahwin,

<sup>52</sup> Abdullah Siddik, Pengantar Undang-Undang Adat di Malaysia, halaman 154.

<sup>53</sup> Abdul Rahman Muhammad, Dasar-Dasar Adat Perpatih, halaman 63.

si lelaki mempunyai dua ekor kerbau (Harta Pembawaan) dan sepanjang perkahwinannya dengan isterinya, kerbau itu telah membiak sebanyak enam ekor. Maka kerbau yang yang membiak itulah yang dikatakan Harta Sepencarian.

Seandainya berlaku penceraian, pembahagian harta ini akan dilakukan di hadapan Buapak. Pembahagian ini hendaklah dibuat sebelum atau semasa lafaz talak dijatuhkan. Isteri berhak menuntut harta sepencarian ini untuk membayar hutang suaminya. Jika seorang suami menjatuhkan talak kepada isterinya tanpa menuntut bahagiannya, maka bahagiannya itu akan hilang secara automatik. Biasanya jika perkahwinan menghasilkan anak, bahagian suami akan ditinggal kepada isteri untuk memelihara anak-anak mereka<sup>54</sup>.

## **2.5 BERKADIM**

Dalam istilah Adat Perpatih, anak angkat disebut sebagai kadim atau kadim yang membawa erti saudara. Manakala berkadim pula bermaksud menerima ahli luar atau orang luar sebagai saudara sedarah ataupun ahli baru dalam suku. Ahli baru ini diberi pengamugerahan sepenuhnya sebagai ahli dalam suku atau keturunan yang mengkadimkannya<sup>55</sup>. Terdapat dua jenis lembaga anak angkat di dalam Adat Perpatih iaitu:

- a. Kadim adat dan pusaka
- b. Kadim adat pada lembaga

<sup>54</sup> Maimunah Manab, Adat Istiadat Perlantikan dan Peranan Buapak di Rembau, halaman 31.

<sup>55</sup> Norazit Selat, Economic Structure and Property Inheritance of Adat Perpatih, halaman 24.

a. **Kadim Adat Dan Pusaka**

Kadim adat dan pusaka bermaksud mengambil seseorang sebagai anak angkat penuh sama ada lelaki ataupun perempuan. Jika dia seorang perempuan, maka kadim adat dan pusaka memberi kepadanya kesemua hak warisan serta tanggungjawab generasi perempuan ibu angkatnya, tetapi jika dia seorang lelaki, dia boleh dipilih menjadi Penghulu di dalam suku ibu angkatnya.

b. **Kadim Angkat Pada Lembaga**

Kadim adat pada Lembaga pula memberi erti pengambilan anak angkat yang terbatas. Seseorang anak perempuan diambil dari sukunya sendiri dan diberi hak yang ditetapkan semasa hayat ibu angkatnya. Hak-hak ini biasanya terbatas kepada harta tertentu sahaja<sup>56</sup>.

Seseorang anak angkat akan diiktiraf sebagai ahli sukunya setelah melalui upacara Berkadim. Berkadim ialah satu amalan budaya yang tergolong ke dalam adat istiadat. Istiadat ini diadakan untuk menerima orang luar masuk ke dalam sesuatu suku. Namun, seseorang itu tidak diterima masuk dengan mudah ke dalam sesuatu suku. Dia mestilah mematuhi syarat-syarat seperti berikut:

- a) Individu yang hendak dikadimkan itu mestilah membuat keputusan untuk menjadi ahli mana-mana suku yang dipilihnya.

---

<sup>56</sup> Abdullah Siddik, Pengantar Undang-Undang Adat di Malaysia, halaman 117.

- b) Setelah dikadimkan individu itu tidak boleh berpindah ke suku lain.
- c) Setiap keluarga yang hendak mengambil anak angkat untuk dikadimkan terlebih dahulu mendapat persetujuan daripada kadim, Buapak dan Lembaga sukunya.
- d) Jika individu yang hendak dikadimkan itu belum lagi memeluk Islam, dia mestilah di Islamkan terlebih dahulu<sup>57</sup>.

Pengambilan anak angkat boleh dilakukan di dalam lingkungan seperut ataupun berlainan perut tetapi mestilah dalam astu suku atau di luar suku sama sekali. Hanya seorang perempuan sahaja(isteri) yang dibenarkan mengambil anak angkat sedangkan suami dilarang berbuat demikian. Sepasang suami isteri yang ingin mengambil anak angkat mestilah terlebih dahulu mendapat kebenaran dan persetujuan daripada keluarga atau suku isterinya. Jika diizinkan oleh suku isterinya, perundingan mestilah dibuat dengan Lembaga. Lembaga ini mestilah Lembaga dari suku isterinya dan Lembaga dari anak yang bakal diangkat itu. Setelah mendapat persetujuan dari kedua belah pihak, barulah anak angkat itu boleh diterima dan pengambilannya akan disahkan oleh suku yang menerimanya. Dia kemudiannya akan melalui adat istiadat berkadim atau Mengadimkan Budak<sup>58</sup>.

Istiadat Berkadim akan diadakan dengan meriah dan akan dihadiri oleh Datuk Lembaga. Terdapat tiga tahap penting dalam istiadat ini iaitu berkampung, perayaan dan istiadat berdarahkannya. Selapas upacara berkadim, maka rasmlah seseorang anak angkat itu diterima masuk ke dalam suku. Jika dia seorang perempuan, dia berhak sepenuhnya

<sup>57</sup> Mochtar Naim, *Menggali Hukum Tanah dan Hukum Waris Minangkabau*, halaman 84 - 85.

<sup>58</sup> Abdullah Sidik, *Pengantar Undang-Undang Adat di Malaysia*, halaman 22.

dalam semua sistem pewarisan. Ini termasuklah anak-anaknya sama ada dilahirkan sebelum atau selepas dia diangkat.

Dari segi sistem pewarisan, walaupun adat mengitiraf pengambilan anak angkat, tetapi ini tidak beerti dia berhak mewarisi tanah pusaka ibunya. walaupun dalam susur galur sistem pewarisan terkandung hak-hak anak angkat, namun, hak ini ada batasnya. Mengikut adat, anak angkat dinafikan sebagai 'waris pusaka'. oleh sebab itu dia tidak berhak mewarisi tanah pusaka terutamanya tanah Adat. Diberi di sini bermaksud 'bahagian yang diperuntukkan' manakala 'mewarisi' bermaksud 'bahagian yang belum diperuntukkan'. hanya anak angkat yang dikadimkan mengikut istiadat 'Perkadiman Adat dan Pusaka' saja mendapat hakmilik ke atas Tanah Pusaka Adat.

Tanah Pusaka yang sedia diperntukkan kepada bahagian anak angkat itu akan diberi hakmilik anak angkat itu. tanah pusaka si mati bahagian lain bergantung kepada waris sama ada anak si mati, waris ikrah dan waris bersanak. Bahagian ini juga boleh diberi kepada anak angkat jika waris si mati sudah pupus atau mendapat persetujuan dari waris yang berhak<sup>59</sup>.

## **2.6 HIBAH**

Hibah bisanya berlaku antara bapa dengan seorang anak ataupun beberapa orang anak-anaknya. Seseorang lelaki boleh menetapkan supaya harta yang dicarinya sendiri diturunkan kepada anak-anaknya dan bukan kepada anak kemenakannya(anak saudara

---

<sup>59</sup> Nadzan Harun, *Perlaksanaan Peraturan Adat Dalam Sistem Pentadbiran Tanah di Negeri Sembilan*, halaman 10.

perempuan). Soal pewarisan harta tersebut boleh diwariskan melalui hibah semasa dia masih hidup<sup>60</sup>.

Hibah sebenarnya jarang berlaku kerana adat masyarakat Perpatih mengenkan beberapa syarat yang ketat jika seseorang bapa ingin menghibahkan hartanya. Beliau mestilah mendapat persetujuan dari semua pihak berkaitan termasuklah kemenakan lelaki yang berkenaan dan disertai oleh kenduri yang besar. Ini kerana harta pusaka merupakan punca terpenting bagi kehidupan ahli-ahli masyarakat Minangkabau. Seseorang ayah juga perlu mendapat persetujuan waris bertali darah, memberitahu Buapak dan memberitahu waris-warisnya sebelum melakukan penghibahan<sup>61</sup>.

## **2.7 SISTEM PEWARISAN ISLAM**

Setelah melihat secara terperinci tentang sistem Pewarisan Adat Perpatih, kita akan dapat melihat sistem pewarisan Islam pula secara sepintas lalu untuk dijadikan perbandingan dan mencari penyesuaian di dalam kedua-dua sistem pewarisan ini.

Agama Islam telah menetapkan hakmilik seseorang ke atas harta sama ada lelaki atau perempuan semasa masih hidup mahupun setelah meninggal dunia. Kitabullah yang mulia telah menerangkan hukum-hukum waris dan ketentuan ahli-ahli waris secara terperinci tanpa menafikan hak-hak seseorang. Islam telah menetapkan tiga ikatan dan hubungan yang menyebabkan seseorang itu berhak memperolehi harta peninggalan atau pusaka:

---

<sup>60</sup> Azizah Kassim, *Nasab Ibu dan Merantau*, halaman 39.

<sup>61</sup> Mochtar Naim, *Menggali Hukum Tanah dan Hukum Waris Minangkabau*, halaman 88.

- a) Hubungan kekeluargaan atau pertalian darah
- b) Hubungan ikatan perkahwinan (suami isteri)
- c) Hubungan agama untuk kebajikan umum<sup>62</sup>.

## **2.8 SYARAT-SYARAT MEWARISI**

Seseorang itu akan dapat mewarisi harta apabila syarat-syarat di bawah telah di penuhi:

- a. Matinya orang yang mewariskan harta

Seseorang itu akan dapat mewarisi harta bila orang yang mewariskan harta itu mati sama ada secara hakikat seperti yang diketahui ataupun secara hukum. Maksud secara hukum di sini ialah apabila kadi memberitahu atau menghukumkan dia telah mati dalam perkara yang hilang berdasarkan tanda-tanda yang menunjukkan demikian.

- b. Diketahui hidupnya pewaris dengan yakin setelah matinya orang yang mewariskan harta. Jika bayi masih dalam kandungan, syarat ini akan dipenuhi apabila bayi itu dilahirkan di dalam keadaan hidup dalam jangka masa yang ditetapkan oleh syarak.

- c. Tidak ada orang yang menghalang sepenuhnya.

- d. Tidak ada perkara yang mencegah seseorang daripada mewarisi<sup>63</sup>.

---

<sup>62</sup> Hasniah Hassan, *Hukum Warisan Dalam Islam*, PT Bina Ilmu, Surabaya 1987, halaman 10.

<sup>63</sup> Musa Fathullah Harun, *Masalah Wasiat dan Faraid*, Unit Penerbitan Akademik, Universiti Teknologi Malaysia, Johor, 1994, halaman 33.

## 2.9 HAK-HAK WARIS

Sistem Pewarisan dalam Islam telah mmmenetapkan anak lelaki sebagai waris utama di samping mengekalkan hak-hak anak perempuan, suami, isteri dan waris-waris lain yang berhak. Anak lelaki mendapat harta yang banyak berbanding dengan anak perempuan. Ini telah diterangkan di dalam firman Allah s.w.t.:

لِّلرَّجَالِ نِصِيبٌ مِّمَّا تَرَكَ الْوَالِدَانِ وَالْأَقْرَبُونَ وَلِلنِّسَاءِ  
نِصِيبٌ مِّمَّا تَرَكَ الْوَالِدَانِ وَالْأَقْرَبُونَ مِمَّا قَلَّ مِنْهُ أَوْ كَثُرَ  
بِيعِيْنَا مَثْرَوْصَا

Yang bermaksud: Lelaki mempunyai bahagian daripada harta peninggalan ibu bapa dan kerabat dan perempuan juga mempunyai bahagian daripada harta peninggalan ibu bapa dan kerabat, baik sedikit atau banyak, menurut bahagian yang telah ditetapkan.

(Surah Al Nisa ayat 7)

## 2.10 SEBAB BAHAGIAN LELAKI DUA KALI GANDA DARIPADA BAHAGIAN WANITA

Sistem pewarisan Islam ternyata mempunyai perbezaan yang ketara dengan sistem pewarisan Adat Perpatih. Jika Adat Perpatih perempuan merupakan waris utama dan berhak mewarisi kesemua harta pusaka, keadaan sebaliknya ditetapkan dalam Islam. mengikut Hukum Syarak, perempuan hanya berhak mendapat satu perdua sahaja daripada bahagian lelaki. Terdapat beberapa hikmat yang terkandung dalam syariat Islam yang membezakan kewarisan lelaki dari[pada perempuan iaitu:

- a) Nafkah perempuan sudah ditanggung oleh orang lain sama ada anak lelaki, ayah, saudara lelaki dan keluarga lelaki yang lain yang wajib memberi nafkah kepadanya.
- b) Perempuan tidak dituntut memberi nafkah kepada sesiapa pun sedangkan lelaki dituntut memberi nafkah keluarga dan orang yang menjadi tanggungannya.
- c) Lelaki mempunyai pelbagai kewajipan memberi nafkah kepada sesiapa pun sehingga keperluannya terhadap harta lebih besar daripada perempuan.
- d) Lelaki dituntut memberi mahar (mas kahwin) kepada isterinya serta nafkah kepada isteri dan anak-anaknya yang kesemua pembiayaan mereka menjadi tanggungjawabnya<sup>64</sup>.

Selain daripada anak-anak lelaki yang berhak mewarisi harta pusaka, terdapat juga waris terdekat seperti anak perempuan, isteri atau suami termasuklah ibu bapa si mati. Ini dapat dilihat dalam firman Allah s.w.t:

يُوصِيكُمُ اللَّهُ فِي أَوْلَادِكُمْ لِلرَّجُلِ مِثْلُ النِّسَاءِ فَإِنْ كَانَ زَوْجٌ مِمَّا تَرَكَ إِثْرًا وَوَرِثَهُ زَوْجٌ وَآلٌ فَلِلزَّوْجِ النِّصْفُ وَلِلْآلِ النِّصْفُ فَإِنْ كَانَ زَوْجٌ مِمَّا تَرَكَ إِثْرًا وَوَرِثَهُ زَوْجٌ وَآلٌ فَلِلزَّوْجِ النِّصْفُ وَلِلْآلِ النِّصْفُ فَإِنْ كَانَ زَوْجٌ مِمَّا تَرَكَ إِثْرًا وَوَرِثَهُ زَوْجٌ وَآلٌ فَلِلزَّوْجِ النِّصْفُ وَلِلْآلِ النِّصْفُ

Yang bermaksud: Allah mensyariatkan bagimu tentang (pembahagian harta pusaka untuk) anak-anakmu iaitu: bahagian seorang lelaki sama dengan bahagian dua orang anak perempuan. Jika anak itu semuanya perempuan dan lebih daripada dua orang, maka bagi

<sup>64</sup> Muhammad Ali as - Shabuni, Hukum Waris Dalam Syariat Islam, Penerbit cv.DIPONEGORO, Bandung, 1992, halaman 23.

mereka dua pertiga daripada harta yang ditinggalkan; dan jika anak perempuan itu hanya seorang, maka ia memperoleh setengah harta. Untuk kedua ibu bapa, bagi masing-masing satu perenam daripada harta yang ditinggalkan jika yang meninggal itu mempunyai anak yang mewarisinya hanya kedua ibu bapa, maka ibunya mendapat satu pertiga. Jika yang meninggal itu mempunyai beberapa saudara, maka ibunya mendapat satu perenam.

Pembahagian tersebut sesudah ditunaikan wasiat yang dibuatnya atau sesudah dibayar hutangnya.

Tentang orang tuamu dan anak-anakmu, kamu tidak mengetahui siapa di antara mereka yang lebih dekat (banyak) manfaatnya bagimu. Ini adalah ketetapan daripada Allah; Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana.

(Al Nisa: 11)

## **2.11 PERTENTANGAN HUKUM ADAT DENGAN HUKUM SYARAK**

Setelah melihat kedua-dua sistem pewarisan iaitu antara hukum adat dengan hukum syarak, kita dapati kedua-duanya adalah bertentangan sama sekali. Adat Perpatih lebih mementingkan anak perempuan sebagai pewaris yang sah manakala Hukum Syarak pula telah menetapkan anak lelaki sebagai pewaris yang sah di samping anak-anak perempuan juga mempunyai hak-hak yang telah ditetapkan. Pertentangan Adat Perpatih dengan Hukum Syarak ini menyebabkan ramai berpendapat bahawa perjalanan hukum Adat Perpatih adalah pincang, dan tidak boleh diamalkan di dalam masyarakat dan negara Islam.

Walaupun dalam Adat Perpatih ada menyatakan bahawa 'Hukum Basandi Adat, Adat Basandi Kitabullah', namun ianya hanya pada teori saja. Dari segi perlaksaaannya Adat Perpatih menolak sistem pewarisan yang ditetapkan oleh Hukum Islam. Kata-kata 'Hukum Basandi Adat dan Adat Basandi Kitabullah' belum lagi dapat di kotakan.

## **2.12 SEBAB-SEBAB HUKUM ADAT BERTENTANGAN DENGAN HUKUM SYARAK**

Status tanah Adat yang telah menetapkan jika tanah didaftarkan dengan perkataan 'Tanah Adat', ia tidak boleh dijualbeli, digadai atau tidak boleh ditukar nama. Jika seseorang perempuan mewarisi Tanah Adat, dia hanya berhak menggunakan tanah tersebut tetapi tidak mempunyai milik yang mutlak dan tidak boleh berbuat sesuka hati. Ini amat bertentangan sekali dengan status Tanah Pusaka di dalam Hukum Syarak. Mengikut Hukum Syarak, pemilik Harta Pusaka mempunyai hak sepenuhnya ke atas tanah yang diwarisinya. Maksudnya, dia boleh menjual, menghibah, menukar nama dan menggadai harta tersebut. Pemilik boleh melakukan apa saja asalkan tidak bertentangan dengan Hukum Syarak<sup>65</sup>.

Kaum lelaki mempunyai tanggungjawab yang lebih berat berbanding dengan kaum wanita. Ini dapat dibuktikan melalui Hukum Islam yang mewajibkan kaum lelaki yang beristeri mengeluarkan zakat setiap tahun, menyara anak dan isteri, ketua di dalam rumah, pemimpin masyarakat dan negara. Ini terdapat di dalam ayat al-Quran yang berbunyi;

---

<sup>65</sup> Jamilah Harun, Pembahagian Pusaka ( Faraid ) Menurut Amalan Adat Perpatih Secara Umum, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, 1988, halaman 55.

“Lelaki itu pengurus atas perempuan, lantaran Allah lebihkan sebahagian daripada mereka atas sebahagian dan dengan sebab (nafkah) yang mereka belanjakan dari harta-harta mereka”<sup>66</sup>

al-Quran, Surah Al-Nisa ayat 34.

Walaupun terdapat perundingan di dalam sistem adat, namun perundingan tersebut tidak sampai ke tahap yang betul-betul adil. Perundingan Dato’ Lembaga dengan waris-warisan perempuan simati sahaja, tidak dibawa bersama waris-warisan syarak yang berkenaan semasa menentukan siapakah yang patut diberikan hak milik tanah tersebut<sup>67</sup>.

Fitrah kejadian wanita yang menetapkan bahawa walau setinggi mana kedudukannya, tetapi masih tidak dapat disamakan dengan keadaan semulajadi yang telah dianugerahkan oleh Allah s.w.t kepada lelaki. Walaupun wanita diberikan tanah atau kebun, dia tidak boleh mengerjakan tanah tersebut seorang diri. Bantuan daripada lelaki masih diperlukan. Lelaki dilahirkan dengan mempunyai satu darjat kelebihan iaitu darjat kepimpinan keluarga kerana keadaan fizikalnya lebih kuat daripada wanita. Firman Allah;

“Hak perempuan dan kewajipan suaminya

seperti hak suami dan kewajipan isterinya, iaitu secara berpatutan, cuma lelaki

itu mempunyai kelebihan satu darjat daripada perempuan.”<sup>68</sup>

<sup>66</sup> Faraded Mohd Dom, *Persoalan Pembahagian Harta Dalam Adat Perpatih*, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, 1978, halaman 86.

<sup>67</sup> Kertas Kerja Jabatan Agama Islam Negeri Sembilan ( Lampiran A ), 1996, halaman 4.

<sup>68</sup> Faraded Mohd Dom, *Persoalan Pembahagian Harta Dalam Adat Perpatih*, halaman 86.

Sistem pengiktirafan anak angkat ataupun sistem 'kadim' dalam Adat Perpatih adalah berlawanan dengan Hukum Syarak. Di dalam Adat Perpatih, anak angkat dianggap sebagai waris yang sah setelah melalui upacara 'berkadim' dan berhak mewarisi harta keluarga angkatnya. Sedangkan di dalam Hukum Syarak, anak angkat tidak mempunyai apa-apa hak pewarisan. Dia hanya boleh mewarisi harta keluarganya melalui wasiat dengan kadar yang telah ditetapkan iaitu tidak melebihi satu pertiga daripada jumlah harta pusaka tersebut. Persetujuan waris si mati juga perlu diambil kira dalam soal ini. Jika tidak mendapat persetujuan dari semua pihak yang terlibat, dia tidak berhak mendapat apa-apa bahagian dari keluarga angkatnya<sup>69</sup>.

Jumlah pembahagian harta di dalam Adat Perpatih tidak ditetapkan seperti di dalam Hukum Syarak. Di dalam Adat Perpatih, walaupun anak perempuan ditetapkan sebagai pewaris yang sah, namun kadar harta yang akan diwarisi antara mereka adalah tidak sama rata. Hanya dinyatakan hak anak bongsu perempuan sahaja yang akan mendapat rumah pusaka dan tanah pusaka (rumah dan tanah adat) sedangkan hak anak-anak perempuan yang lain tidak pernah dinyatakan dengan jelas. Ini berbeza sekali dengan sistem Faraid yang telah menetapkan bahagian-bahagian yang akan diterima oleh anak lelaki dan perempuan. Contohnya, anak lelaki akan mendapat sama bahagian dengan dua orang anak perempuan dan jika anak itu sama-sama perempuan lebih dari dua: maka bagi mereka dua pertiga dari harta yang ditinggalkan. Jika anak perempuan itu seorang sahaja, maka dia memperoleh satu perdua daripada harta.

---

<sup>69</sup> Jamilah Harun, Pembahagian Pusaka ( Faraid ) Menurut Amalan Adat Perpatih Secara Umum, hlm. 55.

## **KESIMPULAN**

Undang-undang pentadbiran Tanah Adat ini di Negeri Sembilan merupakan satu undang-undang yang unik dan perlu dipelihara oleh generasi yang akan datang. Walaupun terdapat beberapa pindaan yang perlu dibuat demi menyesuaikan dengan perubahan zaman, namun ia tidak harus melupakan terus kombinasi adat lama dengan adat baru dan perlu disesuaikan dengan peraturan tanah yang ada sekarang.

Dari perbincangan yang telah dikemukakan bermula dari Bab 1 hingga Bab 5 terdapat pelbagai pandangan yang berlainan tentang Tanah Adat. Falsafah di sebalik undang-undang adat tradisional ialah untuk menjaga kepentingan suku. Jadi, sebarang perubahan atau kelonggaran yang dicadangkan wajar dilakukan jika sekiranya kepentingan suku tidak terjejas. Sebarang undang-undang yang dipinda hendaklah menjaga kepentingan Tanah Adat dan orang Melayu khususnya agar hak mereka tidak akan tergadai. Usaha memulihkan Tanah Adat terbiar perlulah dilakukan dengan lebih giat lagi agar Tanah Adat ini dapat turut sama menyumbang ke arah pembangunan negara pada abad ke dua puluh satu akan datang. Kita seharusnya memastikan agar tidak timbul masalah atau dilema Tanah Adat kerana Tanah Adat sebenarnya bukan penghalang kepada kemajuan negara bahkan merupakan salah satu daripada aset yang bakal turut menyumbang kepada pembangunan negara.

## RUJUKAN

**Ahmad Ibrahim, Islamic Law in Malaya, Malaysia Sociological Research Institute Ltd, Kuala Lumpur, 1975.**

**Abdul Majid Khalid, Ringkasan Sejarah Luak Rembau, Batu Hampar, Rembau, Negeri Sembilan, 1995.**

**Abdul Rahman Muhammad, dasar-Dasar Adat Perpatih, Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1994.**

**Abdul Samad Idris, Adat Merentas Zaman, Jawatankuasa Penyelidik Budaya, Negeri Sembilan, 1995.**

**Abdul Samad Idris, Hubungan Minangkabau Dengan Negeri Sembilan Dari Segi Sejarah dan Kebudayaanya, Pustaka Asas Negeri, Seremban, Negeri Sembilan 1970.**

**Abdullah Sidik, Pengantar Undang-Undang Adat di Malaysia, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1975.**

**Asmad, Kesenian Adat, Kepercayaan dan Petua, Associated Educational Distributors (M) Sdn Bhd., 1990.**

**Azizah Kassim, Nasab Ibu dan Merantau, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur 1989**

**Bagindo Tanameh D.H., Hukum Adat dan Adat Minangkabau, N.V Poesako Aseli Jakarta.**

**Bushar Muhammad, Pokok-Pokok Hukum Adat, PT Prednya Pramitha, Jakarta, 1987.**

**Chatib Sulaiman H.B., The World of Minangkabau Custom, Ikhwan, Jakarta, 1995**

**HM Sidin, Asal-Usul Adat Resam Melayu, Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1964.**

**Hasniah Hasan, Hukum Warisan Dalam Islam, PT Bina Ilmu, Surabaya, 1987.**

**IdrusHakimi, Rangkaian Mustika Adat Basandi Syarak di Minangkabau, CV ROSDA, Bandung, 1978**

**Maimunah Manab, Adat Istiadat Perlantikan dan Peranan Buapak di Rembau, Seremban, Negeri Sembilan.**

**Main Rindam, Tanah Terbiar, Masalah dan Penyelesaiannya Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1994.**

**Mochtar Naim, Menggali Hukum Tanah dan Hukum Waris Minangkabau, Center for Minangkabau Studies Press, Padang, Indonesia, 1968.**

**Muhammad Ali as-Shabuni, Hukum Waris Dalam Syariat Islam, Penerbit C.V. Diponegoro, Bandung, 1992.**

**Musa Fathullah Harun, Masalah Wasiat dan Faraid, Unit Penerbitan Akademik, Universiti Teknologi Malaysia, Johor, 1994.**

**Nadzan Harun, Pentadbiran Tanah Masyarakat Adat di Kuala Pilah, 1877-1957: Suatu Kajian Dari Perspektif Sejarah Negeri Sembilan, 1994.**

**Naziruddin Abdullah, Skim Pembangunan Tanah di Malaysia, Satu Cadangan Alternatif, Universiti Islam Antarabangsa, Petaling Jaya, 1990.**

**Othman Ishak, Hubungan Antara Undang-Undang Islam Dengan Undang-Undang Adat, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1979.**

## **KERTAS KERJA**

**Abdul Samad Idris, Adat Perpatih, Nilai dan Falasafahnya 'Biar Mati Anak Jangan Mati Adat', Seminar Adat Perpatih Negeri Sembilan, Port Dickson, Negeri Sembilan, 1994, 26-28 Disember.**

**Kertas Kerja Jabatan Agama Islam Negeri Sembilan ( Lampiran A ), 1994.**

**Sulaiman Kadimi, Pentadbiran Tanah Adat di Negeri Sembilan, Kertas Kerja Pejabat Tanah dan Galian, Seremban, Negeri Sembilan, 1990.**

**Yahya Yusofe, Pembangunan Tanah Adat di Negeri Sembilan, Kertas Kerja Brain Storming, Pembangunan Tanah Adat di Negeri Sembilan, 5-7 Mac 1997, Pulau Langkawi, Kedah.**

## **JURNAL**

**Nadzmi Harun, Pelaksanaan Peraturan Adat Dalam Sistem Pentadbiran Tanah di Negeri Sembilan, Warisan 18, Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia, 1994.**

**Norazit Selat, Economic Structure and Property Inheritance of Adat Perpatih, Wintrac (WWB/Malaysia) Sdn. Bhd. Malaysia Affiliate, Women's World Banking, Kuala Lumpur, 1994.**

**Zulkapli Othman, Kepentingan Lagenda dan Mitos dan Kedatangan Minangkabau ke Negeri Sembilan, Warisan 16, Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia, 1992.**

## **LATIHAN ILMIAH**

**Abdul Ghapa Harun, Enakmen Tanah Simpanan, Masyarakat Melayu dan Perlaksanaannya di Negeri Sembilan Hingga 30an, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, 1988.**

**Afandi Nordin, Undang-Undang Adat Tanah, Jabatan Sejarah Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.**

**Che Wan Rohaya bt. Ramly, Tanah Adat di Negeri Sembilan: Satu Kajian Sosio Perundangan, Fakulti Undang-Undang, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, 1995.**

**Faradeed Mohd Dom, Persoalan Pembahagian Harta Dalam Adat Perpatih, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, 1978.**

**Jamilah Harun, Pembahagian Pusaka ( Faraid ) Menurut Amalan Adat Perpatih Secara Umum, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, 1988.**

**Nor Aziah Mohd. Yusof, Faktor-Faktor Kewujudan dan Strategi Pembangunan Tanah Terbiar, UKM, Bangi, Selangor.**

**Norzaimah Ab. Aziz, Keberkesanan Projek Pembangunan Pertanian Negeri Sembilan Timur, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, 1988.**

**Rohana Rashidin, Tanah Terbiar Penduduk Melayu, Punca dan Penyelesaiannya di Alor Gajah, Melaka, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, 1986.**

**Tunku Shamsul Bahrin, Kemajuan Tanah dan Penempatan Semula di Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, 1986.**

**Adat Sebagai Warisan Budaya Bangsa, Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.**

## **TEMUBUAL**

**Datuk Muhammad Ghazali, Setiausaha Dewan Keadilan, Seremban, Negeri Sembilan.**

**Datuk Murtadza, Mufti Negeri Sembilan, Majlis, Agama Islam Negeri Sembilan, Seremban, Negeri Sembilan.**

**Nik Ahmad Marzuki Nik Muhammad, Peguam Persekutuan, Pejabat Penasihat Undang-Undang, Wisma Negeri Sembilan, Seremban, Negeri Sembilan.**

**Sulaiman Kadimi, Pegawai Penyelesai Pusaka Kecil, Pejabat Tanah dan Galian, Wisma Negeri, Seremban, Negeri Sembilan.**

**Usman Lanjung, Datuk Sinda Maharaja, Rembau, Negeri Sembilan.**

**Zainal Aman, Datuk Mendaliko, Waris Seri Melenggang Empat Ibu, Rembau, Negeri Sembilan.**

**RESOLUSI REMBAU**

Kepada Resident British:

Bahawa dengan sesungguhnya sahaya Dato' Dato' Lembaga yang bersain di bawah ini telah bermesyuarat dengan mendapat sebulat suara berkenaan dengan harta yang dinisbahkan kepada harta carian semuanya itu akan dijalankan mengikut bahagian hukum syarak. Tentang daripada tanah pesaka iaitu tanah O.T yang turun temurun di dalam suku itu tidak dengan dibeli yakni dapat sahaja dijalankan mengikut bahagian adat Rembau juga.

Di bawah surat ini ditandatangani oleh 18 orang Dato' Dato' Lembaga dan disahkan oleh Dato' Undang Luak Rembau. Surat ini bertarikh 10 Disember, 1927.

Pada tahun-tahun 1900 ke atas bermula kedatangan bangsa-bangsa asing ke Kuala Pilah dan disebabkan faktor-faktor ekonomi ada setengah tengah tanah pusaka ini digadaikan kepada bangsa tersebut dan pada akhirnya terlepas ke tangan mereka.

Memandangkan kepada masalah di atas Pentadbir-Pentadbir Inggeris memikirkan supaya satu undang-undang khas diadakan untuk mentadbirkan tanah-tanah pusaka ini.

PTKP.CTE.SEK.10/349/

**JADUAL B**

**KERAJAAN NEGERI SEMBILAN**

**NOTIS DI BAWAH SEKSYEN 10 ENAKMEN PEMEGANGAN ADAT**

**(BAB 215)**

Notis dengan ini diberi bahawa.....  
sebagai pemohon yang tinggal di.....  
.....menuntut untuk mewarisi pusaka  
adat yang diperihalkan di bawah ini kepunyaan.....  
sekarang ini simati dan telah memohon kepada saya untuk merekodkannya di dalam daftar  
mukim sebagai tuan punya harta tersebut.

Sesiapa yang mempunyai bantahan atas perintah itu bolehlah membuat bantahan di Pejabat  
Tanah, (yang berkaitan) sebelum atau pada..... pukul pagi/petang. Bantahan  
selepas tarikh dan masa tersebut tidak akan diterima.

.....  
Tarikh

.....  
Pentadbir

**PERIHAL HARTA PUSAKA**

| <b><u>Bil</u></b> | <b><u>No. Geran</u></b> | <b><u>No. Lot</u></b> | <b><u>Mukim</u></b> | <b><u>Keluasan</u></b> | <b><u>Bahagian simati</u></b> |
|-------------------|-------------------------|-----------------------|---------------------|------------------------|-------------------------------|
|-------------------|-------------------------|-----------------------|---------------------|------------------------|-------------------------------|